

HASiL/2026/05/06 – 29

**HASiL – CTiM TAX FORUM 2026:**

**MEMACU PEMATUHAN STRATEGIK DAN PENGURUSAN RISIKO DALAM  
EKOSISTEM PERCUKAIAN**

**KUALA LUMPUR, 6 MEI 2026** – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) dengan kerjasama strategik bersama dengan Chartered Tax Institute of Malaysia (CTiM) terus memperkukuh komitmen dalam memperkasakan ekosistem percukaian negara menerusi penganjuran HASiL–CTiM Tax Forum 2026, sebuah platform berimpak tinggi yang menghimpunkan pengamal percukaian, pemain industri serta pembayar cukai bagi membincangkan isu semasa, cabaran pematuhan dan pengurusan risiko dalam landskap percukaian yang semakin kompleks.

Bertemakan **“Navigating Compliance and Managing Related Risks”**, forum selama satu hari yang berlangsung secara hibrid iaitu bersemuka di Berjaya Times Square Hotel, Kuala Lumpur dan dalam talian melalui aplikasi Zoom ini berjaya menghimpunkan lebih 800 orang peserta yang terdiri daripada pengamal percukaian, wakil agensi, syarikat korporat serta individu yang terlibat secara langsung dalam pengurusan percukaian.

Forum tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL dan turut dihadiri oleh YBrs. Encik Soh Lian Seng,

Ms | 1

Presiden CTIM, barisan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif HASiL serta pengurusan kanan HASiL dan CTIM.

Berucap pada majlis tersebut, Presiden CTIM, YBrs. Encik Soh Lian Seng berkata forum ini membuktikan komitmen berterusan antara CTIM dan HASiL dalam mewujudkan ekosistem percukaian yang lebih telus, progresif dan responsif terhadap perubahan landskap ekonomi semasa. Tambah beliau lagi, forum seperti ini bukan sahaja membuka ruang dialog yang lebih konstruktif antara pihak HASiL dan pemain industri, malah membantu meningkatkan tahap kefahaman serta kesiapsiagaan pembayar cukai dalam menghadapi perubahan dasar dan keperluan pematuhan yang semakin dinamik.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL, YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin berkata penganjuran forum ini mencerminkan komitmen berterusan HASiL dalam memastikan pembayar cukai sentiasa bersedia menghadapi perubahan persekitaran percukaian, khususnya dalam era transformasi digital. Menurut beliau, HASiL komited untuk terus memperkukuh budaya pematuhan sukarela melalui pendekatan pendidikan, libat urus strategik dan perkongsian ilmu yang lebih menyeluruh agar pembayar cukai dapat mengurus tanggungjawab percukaian mereka dengan lebih yakin, tepat dan berintegriti.

Forum dimulakan dengan sesi dialog khas yang melibatkan dua peneraju utama HASiL dan CTIM bagi membincangkan topik “Pematuhan Cukai dalam Era Digital”, yang memberi penekanan terhadap kepentingan pengurusan risiko yang berkesan

serta jangkauan pihak berkuasa dalam mendepani perkembangan pesat teknologi digital. Antara fokus utama forum termasuk:

- Meningkatkan kefahaman pembayar cukai berkaitan proses audit pasca pelaksanaan e-Invois;
- Memperkukuh strategi pengurusan audit, pertikaian dan rayuan cukai secara lebih berkesan dan telus; dan
- Meningkatkan tahap kesediaan pembayar cukai dalam pelaksanaan Sistem Taksiran Sendiri Duti Setem secara lebih efektif.

Penganjuran forum ini dijangka terus menjadi platform strategik dalam memperkukuh kerjasama antara HASiL, pengamal industri dan pembayar cukai selain membentuk sistem percukaian negara yang lebih mampan, dinamik dan berdaya saing.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**

MEMACU EKOSISTEM  
**CUKAI PINTAR**

Dikeluarkan oleh:

**Jabatan Khidmat Korporat**  
**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 6 Mei 2026**



**LAMPIRAN**



YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL menyampaikan ucapan perasmian sempena HASiL-CTIM Tax Forum 2026.



Sesi dialog khas yang melibatkan Ketua Pegawai Eksekutif HASiL dan Presiden CTIM bagi perbincangan topik hari ini.



Sebahagian peserta yang hadir memeriahkan HASiL-CTIM Tax Forum 2026 di Berjaya Times Square Hotel, Kuala Lumpur.



YBhg. Ketua Pegawai Eksekutif HASiL bergambar kenang-kenangan bersama dengan para peserta HASiL-CTIM Tax Forum 2026.